

Headline	<b>USM terpilih</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>04. Sep 2008</b>	Page No	<b>28</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>124 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	



# USM terpilih

>>Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_t@metro.com.my



**P**UTRAJAYA: Universiti Sains Malaysia (USM) yang terpilih sebagai Universiti Apex pertama negara perlu tersenarai antara 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menyatakan Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (**gambar**), berkata menjelang 2020 pula, USM perlu mencapai kedudukan yang lebih baik iaitu antara 50 universiti terbaik dunia. Katanya, pemilihan USM itu sudah dipersempit dan diperakui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Ogos lalu selepas memenuhi tiga kriteria ditetapkan iaitu tahap kesediaan, pelan transformasi dan kesedariaan untuk berubah.

"Daripada segi pendekatan kuantitatif ia bersandarkan kepada kesediaan universiti itu untuk melalui satu per-

jalan transformatif, manakala dari segi kualitatif berdasarkan kepada pencapaian akademik universiti terbabit. "Kita percaya dan yakin berdasarkan penilaian terhadap USM, ia menepati tiga kriteria ditetapkan, sekali gus mencapai hasrat menjadikannya setanding dengan universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya pada sidang media mengumumkan Uni-

versiti Apex di kementeriannya di sini, semalam.

Hadir sama, kedua-dua timbalannya, Datuk Idris Haron dan Datuk Dr Hou Kok Chung.

Universiti Apex adalah program yang dirangka untuk membantu institusi yang dipilih mencapai tahap antarabangsa dan menjadi antara terbaik di dunia yang dianjikan autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian.

Sembilan universiti yang mengemukakan permohonan untuk menjadi Universiti Apex termasuk tujuh institusi pengajian tinggi awam dan dua institusi pengajian tinggi swasta.

Selain USM, universiti lain adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam An-

tarabangsa (UIA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Tenaga Nasional (Untan).

Sementara UKM, UM, UPM dan USM disenarai pendek oleh Jawatankuasa Penilai untuk dipilih sebagai Universiti Apex.

Mohamed Khaled berkata, kementerian meneliti dan menilai pencapaian USM dalam tempoh berkenaan sebelum menimbangkan untuk memilih satu lagi universiti menyertai Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (Apex).

Ditanya mengapa universiti tertua iaitu UM tidak terpilih, Mohamed Khaled berkata:

"Ia bukan mengenai UM atau universiti terawal, tetapi ia mengenai universiti yang dapat membantu kita mengubah sistem pengajian tinggi negara ke arah mencapai status dunia," katanya.